



Dari kiri; Datuk Ahmad Kamal (Kemala) dan Aminur Rahman bersama dua buku baharu **yang dilancarkan, iaitu Antalogi Menyirat Cinta Hakiki dan Perpetual Diary.**

Karya sastera rentas sempadan

» NUMERA lancar antologi puisi penulis Malaysia, Indonesia sempena Mesyuarat Agung Tahunan Ke-2

Oleh Latifah Arifin

latifah@bh.com.my

Karya sastera mampu menyatukan masyarakat berlainan bangsa, budaya dan negara khususnya apabila seseorang judul merentas sempadan hingga ke serata dunia.

Hal itu yang cuba dicapai oleh Persatuan Sasterawan Nusantara Melayu Raya (NUMERA) apabila melaksanakan pelbagai program dan acara baca puisi yang mengundang penulis pelbagai negara serta penerbit buku bersama.

Matlamat yang sama juga dapat dilihat pada penerbitan kumpulan puisi, *Perpetual Diary* karya pengarang Bangladesh, Aminur Rahman selain antologi puisi penulis Malaysia dan Indonesia, *Menyirat Cinta Hakiki*, sempena Mesyuarat Agung Tahunan Ke-2 NUMERA di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Puisi ketuhanan, kemanusiaan

Penolong Setiausaha NUMERA, Raja Rajeswari Seetha Raman, berkata kedua-dua buku itu mempunyai keistimewaan dan persamaan tema kerana menjurus kepada cinta kepada Tuhan serta kedamaian.

“Sepintas lalu, puisi dalam kedua-dua buku ini seolah-olah lebih tertumpu pada cinta sesama insan, tetapi apabila diteliti cinta

yang dimaksudkan penyair ialah kasih kepada Tuhan.

“Karya yang dihimpunkan dalam buku ini juga menjadi harapan penyair dan penulis untuk melihat dunia ini aman serta harmoni tanpa diganggu oleh peperangan mahupun kezaliman,” katanya.

Antologi *Menyirat Cinta Hakiki* pula memuatkan lebih 200 puisi oleh penyair negara ini dan Indonesia termasuk Felo Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Arbak Othman serta Penyarah Jabatan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan (FPI) UPM, Dr Shamsudin Othman.

Sementara itu, Aminur Rahman berkata, *Perpetual Diary* ialah karya yang menghimpunkan puisi dan

“Karya yang dihimpunkan dalam buku ini juga menjadi harapan penyair dan penulis untuk melihat dunia ini aman dan harmoni tanpa diganggu oleh peperangan serta kezaliman”

Raja Rajeswari Seetha Raman,
Penolong Setiausaha NUMERA

lukisan akrilik dalam bahasa Inggeris dan terjemahannya dalam bahasa Sepanyol.

“Buku ini diterbitkan oleh syarikat penerbitan Sepanyol, Ithaka dan pertama kali dilancarkan pada tahun 2013 ketika Festival Puisi Dunia di Granada, Nicaragua.

“Antara puisi dalam naskhah ini ialah *Missing You*, *Full Moon* dan *Perpetual Diary* yang kini boleh dibaca oleh pembaca dari negara ini,” katanya.

Tingkatkan hadiah ASN

Terdahulu daripada itu, mesyuarat agung tahunan mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk memartabatkan bahasa Melayu dan sastera tanah air.

Antara cadangan yang dikemukakan ialah meminta kerajaan meningkatkan bayaran penerima Anugerah Sastera Negara (ASN) daripada RM60,000 kepada RM300,000 dan menggesa pengajaran sastera bandingan digiatkan kembali dalam sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Ita turut menyarankan penerbitan jurnal kesusasteraan yang menampung pemikiran dan karya mutakhir menerusi penerbitan bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Pusat Pengembangan Bahasa Indonesia.

Selain itu, cadangan turut dikemukakan supaya negara serantau mewujudkan Anugerah Tertinggi Kesusasteraan menggabungkan Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura.